

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	27 DECEMBER 2016

# Penerima BR1M terguris tuduhan Tun M

BH- 27/12/2016

➔ Gesa bekas PM tidak politikkan bantuan, desak tarik semula kenyataan

Oleh Balqis Jazimah Zahari, Norhaslinda Abd Wahid dan Noorazura Abdul Rahman  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Rakyat yang menerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) terguris dengan kenyataan Tun Dr Mahathir Mohamad melabelkan bantuan kerajaan itu sebagai wang rasuah.

Serentak itu, mereka meminta bekas Perdana Menteri yang mendadbir negara selama 22 tahun, tidak mempolitikkan bantuan diberikan kerajaan kepada rakyat yang memerlukan.

Di Ipoh, penerima, Abdul Salim Putera Ahmad Shibi, 42, berkata Dr Mahathir ketika menjadi Perdana Menteri tidak pernah memikirkan sebarang bantuan seperti BR1M tetapi lebih memberi penekanan kepada projek mega.

"Oleh itu, Dr Mahathir tidak sepatutnya mempertikaikan BR1M, apatah lagi melabelkannya sebagai satu wang rasuah," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Pembantu kerani yang juga Orang Kurang Upaya (OKU), Mohd Azhar Shamsudin, 33, berkata, setiap pemimpin mempunyai

kaedah pentadbiran dan perancangan tersendiri membantu rakyat.

"Sebagai warga OKU yang kematian isteri dan perlu menyara seorang anak, pemberian BR1M setidak-tidaknya membantu kelangsungan hidup saya untuk berdepan cabaran menyara anak.

"Jika Tun Dr Mahathir melabelkan BR1M adalah wang rasuah, adakah bermakna kami rakyat kurang berkemampuan adalah penerima rasuah? Ia tuduhan yang tidak wajar dan harap beliau tarik semula kata-katanya itu," katanya.

Peniaga kecil, Norhayati Yahaya, 34, berkata sebagai salah seorang rakyat miskin, pemberian BR1M berjumlah RM1,200 membantu meringankan beban kewangan dan sara hidup.

"Ia bukan rasuah tetapi cara pemimpin untuk membantu rakyat, kami akan menyokong barisan kepimpinan yang membantu (rakyat) kerana itu sememangnya tugas sebagai seorang pemimpin," katanya.

## Hargai bantuan

Di Alor Setar, jurujual dari Jalan Teluk Wanjah, Alor Setar, Sharil Anuar Mohd Nasir, 21, berkata individu terbabit tidak memahami denyut hati rakyat, khususnya golongan penerima kerana ramai dalam kalangan mereka menghargai bantuan disalurkan kerajaan itu.

"Individu yang menganggap BR1M sebagai rasuah mungkin tak perlukan duit ini, tetapi bagi rakyat biasa dengan kerja tidak menentu kami memerlukannya. Anak muda seperti saya tak anggap BR1M sebagai umpan kerana rakyat sekarang sudah bijak menilai untuk pilih kerajaan," katanya.

Bagi Nur Nadrah Azhari, 25, dari Taman Mergong, Alor Setar, mengakui anak yatim piatu seper-



Individu yang menganggap BR1M sebagai rasuah mungkin tak perlukan duit ini, tetapi bagi rakyat biasa dengan kerja tidak menentu kami memerlukannya. Anak muda seperti saya tak anggap BR1M sebagai umpan kerana rakyat sekarang sudah bijak menilai untuk pilih kerajaan"

Sharil Anuar Mohd Nasir,  
Jurujual



Sebagai warga OKU yang kematian isteri dan perlu menyara seorang anak, pemberian BR1M setidak-tidaknya membantu kelangsungan hidup saya untuk berdepan cabaran menyara anak"

Mohd Azhar Shamsudin,  
Pembantu kerani

tinya memerlukan bantuan seperti BR1M untuk menanggung dua adiknya yang masih belajar.

Katanya, beliau tidak kisah jika ada pihak mendakwa wang itu sebagai rasuah atau dijadikan umpan untuk meraih undi, tetapi beliau tetap menyokong mana-mana kerajaan sekali pun yang memerintah dan memberi manfaat kepada rakyat.

## BR1M bukan langkah raih undi

Di Georgetown, Lim Pheik Hoon, 60, berkata dia tidak melihat pemberian wang tunai itu sebagai suatu langkah bagi kerajaan meraih undi rakyat pada Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14 akan datang.

"Penerima bantuan juga tidak dipaksa mengundi Barisan Nasional (BN), malah kerajaan tidak pernah memaksa sesiapa untuk mengundi parti tertentu kerana ada penyokong pembangkang turut menerima BR1M," katanya.

Pekerja swasta, Mohd Shamsul Anwar, 40, berkata BR1M adalah langkah kerajaan bagi membantu meringankan beban rakyat yang kurang bernasib baik.

"Mungkin bagi sesetengah pihak, pemberian BR1M dianggap sebagai cara kerajaan meraih kemenangan pada PRU Ke-14. Namun, kita harus melihat dari sudut positif apabila ramai rakyat menerima manfaatnya. Bantuan ini sekurangnya dapat mengurangkan tekanan hidup masyarakat, terutama yang memiliki keluarga besar dan menetap di bandar besar," katanya.

Kelmarin, Dr Mahathir yang juga Penasihat Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), mendakwa pemberian bantuan itu adalah rasuah dan salah mengikut undang-undang, selain wang itu dikatakan diberi bagi meraih sokongan rakyat.